

**JAWATAN** : **PENOLONG PEGAWAI TADBIR**  
**GREED** : **N29**  
**KUMPULAN PERKHIDMATAN** : **PELAKSANA**  
**KLASIFIKASI PERKHIDMATAN** : **PENTADBIRAN DAN SOKONGAN**

**JADUAL GAJI :**

<b>GAJI MINIMUM</b>	<b>GAJI MAKSIMUM</b>	<b>KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN</b>
RM 1,493.00	RM 5,672.00	RM 145.00

**ELAUN :**

Imbuhan Tetap Khidmat Awam	: RM 160.00
Imbuhan Tetap Perumahan	: RM 300.00
Bantuan Sara Hidup	: RM 300.00

**SYARAT LANTIKAN :**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- a) warganegara Malaysia;
- b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
  - (i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred N29: RM1,493.00); atau
  - (ii) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred N29: RM1,493.00).
  - (iii) diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred N29: RM1,770.95).

**SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU :**

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang - kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

### **SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN :**

3. Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi), Pembantu Setiausaha Pejabat, Pembantu Tadbir (Kewangan), Pemeriksa Cap Jari dan Pegawai Khidmat Pelanggan adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Tadbir Gred N29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:
- a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c); atau
  - (ii) lulus Peperiksaan Khas; dan
  - b) had umur pelantikan:
    - (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
    - (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
    - (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun

### **KRITERIA TAMBAHAN :**

1. Mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti serta berkebolehan menggubah lagu, memainkan satu atau lebih alat muzik moden dan tradisional. Berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dengan memuaskan.
2. Diploma dalam bidang seni muzik yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya

### **SYARAT UJIAN KHAS :**

Calon lantikan adalah dikehendaki lulus Ujian Khas bagi menentukan kesesuaian mutu dan tahap bakat, kebolehan dan daya kreativiti serta berkebolehan, menggubah lagu, memainkan satu atau lebih alat muzik moden dan tradisional sebelum lantikan seperti yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan.

**TARAF JAWATAN : TETAP**  
**LOKASI : UTM JOHOR BAHRU**

## **CARA DAN PERATURAN PERMOHONAN :**

1. Pemohon hendaklah membuat permohonan secara atas talian (online) dan melengkapkan semua maklumat termasuk memuat naik GAMBAR dan menjawab soalan Inventori Personaliti Staf Sokongan Baru (IPSB) melalui laman web UTM.
2. Bayaran RM20.00 dikenakan bagi satu (1) jawatan. Sila simpan resit bayaran sebagai bukti pembayaran.
3. Sila masukkan maklumat yang benar, lengkap dan tepat. Permohonan yang tidak lengkap tidak akan diproses.
4. Calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk ditemuduga.
5. Salinan sijil-sijil akademik dan sijil berkaitan perlu DISAHKAN dan dibawa ketika sesi temuduga dijalankan. **(Pengesahan oleh Pegawai Kerajaan Gred A dan keatas)**
6. Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tempoh (6) enam bulan dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
7. Pegawai yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan/Badan-badan Berkanun/Kuasa Tempatan hendaklah mengemukakan surat sokongan Ketua Jabatan serta salinan Buku Perkhidmatan dan Laporan Penilaian Prestasi terkini melalui pos kepada:

**Jabatan Pendaftar (Seksyen Perjawatan & Kenaikan Pangkat)  
Bahagian Sumber Manusia,  
Universiti Teknologi Malaysia,  
81310 Johor Bahru**

## **SYARAT TAMBAHAN :**

1. Penguasaan Bahasa Inggeris yang baik.
2. Perokok Adalah Sangat Tidak Digalakkan Memohon

## **DESKRIPSI TUGAS DAN KOMPETENSI :**

Kami mempelawa calon-calon berkelayakan yang sukakan cabaran, jujur, komited, berdaya saing, komited dan boleh bekerja dalam pasukan.

Berikut adalah kompetensi khusus diperlukan untuk jawatan ini :

- Pengurusan Kewangan dan perolehan bekalan
- Pengurusan pentadbiran pejabat
- Pengurusan perkhidmatan personel
- Pengurusan majlis rasmi
- Mengendalikan pengurusan pelanggan
- Penguatkuasaan undang-undang dan peraturan Kerajaan
- Berkebolehan bermain alat muzik, mengubah lagu dan membaca note
- Berkemampuan memimpin kumpulan orkestra
- Penyeliaan

Kebolehan dalam *microsoft office*, pengendalian media sosial dan sistem sokongan ICT merupakan keperluan tambahan untuk tugas ini.